



PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR: RANGKAIAN PENGAWASAN KUALITI AIR MARIN

Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) adalah sebuah program yang terdiri daripada rangkaian stesen pengawasan kualiti udara serta kualiti air sungai dan air marin yang mencerap data kualiti alam sekitar di seluruh negara. Program EQMP merupakan elemen penting bagi mewujudkan pengurusan alam sekitar yang berkesan dan lestari.

Komponen pengawasan kualiti air marin EQMP terdiri daripada 368 **stesen pengawasan kualiti air marin manual (MMWQM)** yang terletak di seluruh negara.

Objektif pengawasan MMWQM adalah bertujuan untuk menyediakan data trend kualiti air marin dalam jangka masa panjang dan seterusnya sebagai asas penilaian kualiti air marin yang meliputi persisiran pantai, muara sungai serta pulau-pulau di Malaysia. Berdasarkan objektif ini, rangkaian MMWQM yang terletak di perairan negara mewakili nilai biodiversiti yang tinggi termasuk di kawasan wujudnya ancaman pencemaran.

Bagi data kualiti air marin di stesen pengawasan manual, terdapat dua kaedah pensampelan yang dijalankan iaitu pengukuran in-situ dan analisis makmal yang diakreditasi. Kekerapan persampelan bagi program pengawasan manual adalah sebanyak 6 kali setahun. IKAMM yang diperolehi dari stesen MMWQM adalah mewakili kualiti air marin yang dipantau semasa persampelan atau semasa pengukuran data dilakukan.

Data daripada rangkaian MMWQM adalah tertakluk kepada protokol kawalan kualiti serta tatacara operasi yang ketat untuk memastikan data yang dicerap adalah sahih dan tepat.